

Amalan Pengajaran Guru Tilawah Al-Quran: Kajian Kes Di Maahad Tahfiz Sains Negeri Selangor

Zetty Nurzuliana Rashed, Mariam Abd.Majid, Sahlawati Abu Bakar, Suriani Sudi, Wan Ramizah Hasan, Muhammad Yusuf Marlon B.Abdullah

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor

zetty@kuis.edu.my

ABSTRAK

Pendidikan al-Quran bertujuan mendidik manusia bagi mencapai kesejahteraan di dunia dan akhirat. Kajian ini adalah untuk meneroka proses pelaksanaan pengajaran tilawah al-Quran oleh guru pendidikan Islam mengikut langkah-langkah pengajaran iaitu langkah permulaan(set induksi), perkembangan dan penutup serta aspek perancangan dan persediaan. Disamping itu melihat kepada aspek kaedah-kaedah pengajaran dan bahan bantu mengajar yang digunakan semasa sesi pengajaran. Bagi memenuhi objektif kajian ini pendekatan kualitatif menggunakan reka bentuk kajian kes, iaitu kes pada satu tempat atau *single case single site*. Kaedah temubual separa berstruktur, pemerhatian dalam bilik darjah dan analisis dokumen telah digunakan dalam kajian ini. Data yang diperolehi dianalisis menggunakan program Atlas t.i versi 7.5.4. Dapatkan kajian menunjukkan setiap kali memulakan pengajaran tilawah al-Quran, guru akan memperkenalkan tajuk dan meminta pelajar membaca beberapa potongan ayat al-Quran terlebih dahulu. Manakala hasil kajian terhadap perkembangan pengajaran subjek al-Quran menunjukkan guru tilawah al-Quran menggunakan pelbagai kaedah pengajaran di dalam kelas. Seterusnya, bagi penutup pengajaran subjek al-Quran guru akan meminta dan membimbing pelajar untuk merumuskan pelajaran, cara bacaan tilawah al-Quran dan hukum tajwid.

Kata kunci: Amalan pengajaran, tilawah al-Quran, guru pendidikan Islam

PENDAHULUAN

Pendidikan al-Quran bertujuan mendidik manusia bagi mencapai kesejahteraan di dunia dan akhirat. Manusia yang celik al-Quran berupaya mengenal Tuhan-Nya, pencipta dirinya dan alam serta seluruh isi alam dan makhluk. Al-Quran mendidik manusia untuk bekerja bersungguh-sungguh dengan penuh dedikasi serta ikhlas kerana Allah SWT, melatih manusia agar menjauhi segala godaan syaitan seterusnya menunjukkan jalan yang benar.

Guru pendidikan Islam merupakan antara golongan yang berperanan penting dalam masyarakat Islam khususnya dalam usaha menyampaikan ilmu berkaitan pembelajaran al-Quran. Bagi menjamin keberkesanannya pengajaran al-Quran, setiap pengajaran al-Quran yang disampaikan perlu dirancang dengan baik termasuk kaedah, pendekatan, strategi, langkah dan sebagainya untuk menjamin pengajaran dan pembelajaran berkesan dan tercapai objektifnya yang tersurat dan tersirat.

LATAR BELAKANG

Ramai dalam kalangan pelajar yang masih lemah dalam bacaan al-Quran walaupun telah mempelajarinya di peringkat sekolah. Oleh yang demikian kajian ini cuba melihat metode

pengajaran al-Quran yang terbaik dan berkesan bagi subjek pendidikan Islam khususnya dalam bahagian tilawah al-Quran di sekolah bagi menambahbaik kaedah sedia ada.

Guru pendidikan Islam perlu mempunyai keupayaan dan kelayakan sama ada dari aspek keperibadian, pengetahuan, agama dan pengajaran dalam memberikan pendidikan yang berkesan sehingga berupaya melahirkan generasi celik al-Quran.

Sehubungan dengan itu, penyelidikan ini dijalankan bagi mengenal pasti proses perlaksanaan melalui langkah pengajaran dalam pengajaran pendidikan Islam iaitu dalam bab tilawah al-Quran yang dilaksanakan oleh guru pendidikan Islam.

PERNYATAAN MASALAH

Amalan pengajaran Tilawah Al-Quran adalah berbentuk mengajar kemahiran. Rohizani et. al. (2005) menjelaskan mengajar kemahiran perlu menekankan kepada arahan, demonstrasi dan pemberian kesilapan pelajar. Guru perlu lebih banyak memberi penekanan kepada membentuk kemahiran pelajar dengan melakukan *talaqqi* dan *musyafahah*. Namun begitu, dalam kajian Ab. Halim et. al. (2004) didapati guru pendidikan Islam kurang melakukan aktiviti *talaqi* dan *musyafahah* semasa pengajaran Tilawah Al-Quran.

Manakala kajian Mohd Alwi et. al. (2003), Ab. Halim (2005) dan Ab. Halim et. al (2006) menunjukkan bahawa kelemahan dalam pengajaran pendidikan Islam menyebabkan timbulnya masalah penguasaan kemahiran membaca al-Quran dalam kalangan pelajar. Hal ini juga bertepatan dengan kajian Mohd Aderi (2004) tentang celik al-Quran dalam kalangan pelajar tingkatan satu di Kuala Lumpur yang menunjukkan walaupun 63 peratus daripada responden kajian ialah mereka yang telah khatam al-Quran tetapi tahap membaca keseluruhan responden adalah pada tahap sederhana dan lemah. Maka dengan pendekatan kualitatif ini dapat meneroka dan merungkai permasalahan yang timbul di maahad tahniz sains di negeri Selangor.

OBJEKTIF KAJIAN

- i. Meneroka amalan pengajaran GPI pada aspek perancangan dan persediaan pengajaran, aspek permulaan (set induksi), perkembangan dan penutup pengajaran tilawah al-Quran.
- ii. Meneroka kaedah-kaedah pengajaran dan bahan bantu mengajar yang digunakan oleh GPI dalam pengajaran tilawah al-Quran.

BATASAN KAJIAN

Kajian ini membataskan hanya GPI yang mengajar di sekolah maahad integrasi sains dan teknologi sebagai peserta kajian. Seterusnya kajian ini membataskan GPI yang mengajar sekolah menengah bawah iaitu pelajar tingkatan satu.


Selain batasan terhadap peserta, kajian ini juga membuat batasan terhadap fokus kajian. Pengkaji hanya memfokuskan kajian terhadap amalan P&P, keperibadian guru, kemahiran, penguasaan ilmu serta adab-adab seorang guru terhadap al-Quran. Apa yang penting batasan terhadap semua ciri ini, pengkaji hanya menerima data terhadap ciri-ciri yang boleh dicerap melalui pengakuan GPI serta apa yang boleh dilihat oleh pengetua, rakan, guru dan pelajar GPI di dalam kelas dan kawasan sekolah.

KERANGKA KONSEPTUAL KAJIAN

Kajian yang dijalankan ini merupakan amalan pengajaran guru pendidikan al-Quran. Terdapat tiga elemen yang berkait dengan pengajaran tersebut iaitu proses pengajaran, kaedah dan amalan guru. Kajian ini merujuk kepada teori pengajaran al-Quran oleh al-Badry (1984), teori kaedah pengajaran oleh al-Killany (1986) dan teori amalan pengajaran guru oleh Mohd.Yusuf (2005). Al-Badry (1984) mengemukakan konsep pengajaran al-Quran meliputi elemen tilawah iaitu boleh membaca al-Quran dengan baik dan fasih, tafsir iaitu mengetahui makna dan faham maksud ayat, *tatbiq* iaitu merealisasi ajaran al-Quran dalam hidup dan tafhiz iaitu menghafaz ayat-ayat tertentu amalan, bacaan dalam solat dan wirid.

Manakala kaedah dalam pengajaran al-Quran mestilah menepati objektif pengajaran, bersesuaian dengan *nature* subjek, setara dengan umur pelajar, guru berupaya mengaplikasikan kaedah dan masa harus mencukupi (Al-Killany, 1986). Tiga tahap yang dilihat penting bagi amalan pengajaran guru (Mohd. Yusuf, 2005) iaitu permulaan pengajaran, perkembangan dan penutup.

Semasa permulaan pengajaran guru harus membaca terlebih dahulu memperkenalkan topik pelajaran kepada pelajar dan isi ringkas pelajaran. Semasa tahap perkembangan pula guru disarankan membentangkan ayat-ayat yang hendak dibaca dan pelajar juga perlu memperdengarkan bacaannya. Pada tahap ini juga guru boleh melakukan latih tubi disamping membincangkan maksud ayat. Pada penutup pelajaran guru boleh menjalankan aktiviti pengukuhan dan menguji sama ada objektif yang disenaraikan tercapai ataupun tidak. Guru juga boleh memberikan tugas kepada pelajar seperti menghafaz ayat-ayat yang telah dipelajari untuk *ditasmi'* pada perjumpaan berikutnya.



Adaptasi dari teori pengajaran Al-Badry (1984), teori kaedah Al-Killany (1986) dan teori amalan Mohd Yusuf (2005)

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif. Ia melibatkan temubual guru pendidikan Islam secara berfokus dan mendalam, pemerhatian semasa sesi pengajaran guru dan analisis dokumen. Kajian kualitatif ini dipilih kerana ia lebih sesuai untuk mengetahui motif yang wujud dalam sesebuah organisasi dan melihat situasi sebenar yang berlaku termasuk mengalami persekitaran yang dikaji (Yin 1994).

Kajian ini berbentuk kajian kualitatif yang memfokuskan kepada satu tempat atau *single case single site*. Kes yang dimaksudkan dalam kajian ini ialah amalan pengajaran guru Al-Quran manakala tempat kajian ialah salah sebuah maahad tahfiz Sains di Selangor. Menerusi kajian kes, pengkaji dapat menyiasat sesuatu unit sosial yang kompleks secara menyeluruh dan mendalam (Patton 1990; Hitchcock&Hudges 1995). Melalui rekabentuk kajian yang dipilih, pengkaji juga dapat memaparkan peristiwa sebenar yang berlaku, dilihat dan dialami dalam persekitaran yang dikaji (Yin 1994).

Dengan kajian kes yang menggunakan pendekatan kualitatif bukan sahaja membolehkan pengkaji bertemu dengan peserta kajian malah pengkaji dapat memahami secara lansung apa yang berlaku dan berinteraksi dengan mereka (Yin 1994). Menerusi kajian ini, pengkaji berada bersama guru dan pelajar dalam situasi yang sebenar iaitu dalam bilik darjah semasa pengajaran pendidikan Islam berlangsung.

Kajian kes ini dapat memberikan dapatan yang lebih realistik dan bermakna. Amalan pengajaran guru Al-Quran tidak dapat digambarkan dengan jelas dan menyeluruh melalui pendekatan kuantitatif. Proses pengajaran al-Quran melibatkan kepada perlakuan, juga berlaku dalam keadaan yang tertentu dan dengan rasional yang tetentu dimana ia tidak dapat diuraikan melalui kajian kuantitatif. Oleh itu kajian-kajian yang berfokus kepada pemerhatian semasa pengajaran sering menggunakan etnografi (Goetz&Le Compte 1984). Langkah ini untuk membekalkan data yang banyak dan mendalam tentang amalan guru, hubungan pemikiran dan perlakuan.

DAPATAN KAJIAN

i. Aspek perancangan dan persediaan pengajaran dan langkah permulaan (set induksi) dalam pengajaran tilawah al-Quran

Persoalan kajian ini ialah berkaitan dengan bagaimakah guru pendidikan Islam mempraktikkan amalan pengajaran pada aspek perancangan dan persediaan pengajaran dan pada fasa permulaan, perkembangan dan penutup pengajaran tilawah al-Quran.

Secara umumnya, hasil dapatan kajian ini diambil dari data kualitatif iaitu temubual dan pemerhatian peserta kajian. Sebelum sesi pengajaran berlangsung GPI1 membuat cara beliau tersendiri yang mana beliau mendapat ilmu tersebut dari guru beliau semasa di Mesir. Contoh pernyataan beliau;

“Saya punya amalan sebelum mengajar ialah saya istighfar. Sebab saya nak ilmu tu sampai kat budak. Dia dapat bila saya belajar dengan syeikh tu dia kata.... kenapa anak murid kita tak faham apa yang kita ajar? Sebab kita nak sampaikan ilmu kepada dia terpalit dosa-dosa diri kita sendiri. Itu saya memang kena jaga”.

(GPI1 MTS2/TB/PP:047)

Beliau juga berpandangan guru perlu mempunyai etika dalam pemakanan, adab dan cara berkomunikasi dengan pelajar. Pihak pentadbir sekolah juga inginkan guru menjadi *role model* kepada pelajar. Hujah beliau;

“....cuma etika adalah dari segi pemakanan, adab, cara kita bercakap. Kadang-kadang kita marah budak. tak elok. Pihak sekolah ada putuskan dalam mesyuarat sekolah, ok guru-guru ada terdengar bercakap macam....sebab kami *role model* itu usaha pihak sekolah saya harap yang khusus itu kita kena masuk kaki kanan itu tak de. Itu guru sendiri kena tahu lah”.

(GPI1 MTS2/TB/PP:047)

Bagi persediaan rohani dan mental, guru juga mengamalkan solat-solat sunat dan bahasa serta adab yang baik di hadapan pelajar. Sebelum memulakan pengajaran juga GPI1 menyatakan beliau sentiasa mengamalkan wuduk dan solat dhuha sebelum masuk ke bilik darjah. Bagi beliau seseorang pendidik itu perlu sentiasa mengamalkan solat tahajud. Di samping itu sentiasa mendoakan pelajar untuk mendapat keberkatan dan kemudahan dalam pembelajaran. Penjelasan berikut menunjukkan pernyataan beliau;

“....tahajud jangan lupa la. Kalau dhuha tu kadang *termis* sebab bilik ni bilik budak bukan budak yang mengadu masalah..... Kadang-kadang tak masuk kelas selalu doa untuk pelajar memudahkan...”

(GPI1 MTS2/TB/PP:052)

Menurut GPI 1 beliau juga mengadakan sesi perbincangan dengan guru-guru lain sebelum masuk ke kelas. Beliau sentiasa bertukar pandangan dan idea untuk menarik minat pelajar. Beliau mengakui beliau sentiasa menggunakan aspek peneguhan kepada pelajar seperti memberi pelajar hadiah, memberi pujian kepada pelajar dan sentiasa menanyakan keadaan kesihatan pelajar. Aspek peneguhan ini amat penting untuk menarik perhatian pelajar untuk bersedia kepada sesi P&P. Contoh pernyataan beliau;

“...Macam mana ar nak tarik pelajar tidur ni? Oh ustaz, cuba ustaz buat macamni, kita akan bincang....biasanya bagi hadiah ke, bagi peneguhan la, kalau istilah kita belajar. Pujian dan hadian berbentuk barang”.

(GPI1 MTS2/TB/PP:065,069)

Menurut data pemerhatian secara lansung dalam pengajaran, GPI1 banyak menggunakan aspek peneguhan dalam bilik darjah. Beliau selalu mengukir senyuman dan memberi pujian yang membina kepada pelajar. Pelajar kelihatan gembira dan selesa semasa sesi pembelajaran al-Quran walaupun sesi P&P ketika itu menunjukkan pukul 12 tengahari. Tidak kelihatan di raut wajah pelajar beliau tanda-tanda mengantuk dan kebosanan terhadap sesi P&P beliau. Contoh pemerhatian GPI1;

Ustazah Azizah bertanyakan respon kepada pelajar lain disamping memberi pujian kepada pelajar lelaki pertama tadi. Seterusnya diikuti dengan bacaan potongan ayat pelajar kedua dan diberi pujian oleh GPI1. Pelajar kelas diberi pilihan untuk memilih bacaan mana yang menarik hati mereka. Kelihatan respon yang bagus diberikan oleh pelajar tingkatan satu ini dalam sesi pengajaran dan pembelajaran al-Quran. Sesi pertanyaan secara ringkas serta pujian tidak lupa diberikan oleh GPI1 sekiranya pelajar dapat menjawab sebarang soalan yang dikemukakan.

(GPI1 MTS2/OBS/PP:025,026)

Semasa sesi pengajaran juga GPI1 kelihatan sentiasa ceria dan memberikan unsur kecindan dengan pelajar untuk mengelakkan pelajar bosan dalam bilik darjah. Contoh huraian menunjukkan pemerhatian lansung beliau;

Selingan lawak bersahaja daripada GPI1 mampu mencuit hati pelajar sehingga sesi pembelajaran pada hari itu mengundang rasa ceria dan semangat pelajar mendalam ilmu al-Quran.

(GPI1 MTS2/OBS/PP:026)

Pada permulaan pengajaran subjek ini GPI1 mendapati setiap kali sebelum memulakan pengajaran tilawah al-Quran, guru akan memperkenalkan tajuk dan meminta pelajar membaca beberapa potongan ayat al-Quran terlebih dahulu. Beliau juga menekankan aspek dan adab berpakaian yang sesuai di dalam bilik darjah iaitu pelajar perlu berpakaian yang kemas. Contoh pernyataan beliau yang menyokong hujah ini;

“.....hari ini nak masuk surah al-Qiyamah. Perkenalkan tajuk dulu. Kalau talaqqi saya akan minta pelajar baca sebab kita lihat begini, budak bukan sahaja budak, diri kita sendiri pun kita akan lihat pada suara. Kadang-kadang suara budak itu baca sedap. Tapi tajwid lari. Sebagai contoh. Kadang-kadang budak tu dia tak pakai lengkap macam kopiah, lengan senseng. Mana yang kamu suka? Ustazah saya suka yang ni. Tapi macamni ke cara pemakaian? Ini yang perlu diberitahu sebagai panduan dalam pembelajaran al-Quran dan Talaqqi. Dia kena ada adab la...”

(GPI1 MTS2/TB/PP:060)

ii. Aspek perkembangan pengajaran tilawah al-Quran

Dalam aspek perkembangan pengajaran, GPI1 juga mengajar tilawah al-Quran secara taranum (bacaan berlagu) dengan menunjukkan bacaan contoh yang menarik setiap kali pengajaran al-Quran. Bagi pelajar yang lemah, beliau memberi penekanan yang khusus agar tidak ketinggalan dalam pelajaran tilawah al-Quran. Kaedah yang lain digunakan oleh GPI1 ialah membahagikan beberapa kumpulan pelajar untuk menggalakkan pelajar mengambil bahagian dalam aktiviti pembelajaran al-Quran. Di samping itu juga, beliau turut menyemak bacaan tilawah al-Quran dan tajwid setiap kali sesi pembelajaran berlangsung. Contoh pernyataan GPI1;

“.....kita pasang LCD, kad imbas daripada segi sebutan halkum, kadang-kadang nak keluarkan lidah budak malu, dia tunjukkan, nak lukis jujur lukisan tak cantik, kalau akak-akak tak ada saya lukis lah. Itu antara kaedah ustazah. budak nampak... semasa mengajar itu mengaitkan dengan pengetahuan yang sedia ada dengan subjek-subjek yang sedia ada... ada, kita akan tanyalah ada baca tak... kita akan tanya macam itu lah..kalau masuk talaqqi memang kena dengan surah yang perlu dihafal lah. Cumanya kita akan tanya, macam mana dengan ingatan Quran kamu... sebab talaqqi juga membantu ingatan untuk mengingat....”

(GPI1 MTS2/TB/PK:086,092,096)

Dalam aspek bantu mengajar, analisis dari dapatan temubual menunjukkan, GPI1 menyatakan guru tilawah al-Quran menggunakan pelbagai kaedah pengajaran setiap kali masuk ke kelas. Terdapat pelbagai alat bantu mengajar semasa mengajar subjek tilawah al-Quran iaitu gajet (i-pad), cd/vcd/dvd, video, kad imbasan, naskhah al-Quran, peta minda, buku teks, perisian komputer (power point), pita rakaman, kertas mahjung, nota tambahan, komputer riba, LCD, papan putih dan poster hukum tajwid. Beliau menggunakan LCD dan kad imbasan yang berkaitan dengan tajuk pengajaran. Selain itu beliau mengaitkan bacaan al-Quran dan tajwid dan membetulkan bacaan pelajar dengan mengaitkan bacaan dalam solat serta rasa khusyuk ketika membaca al-Quran. Contoh penjelasan beliau;

“Ada..LCD..selalu dapat daripada kawan..selalu dia tekan berbunyi sendiri... ok..bagus..ada saya amik buku tafsir itu pentingla, bukan setakat nak mengajar, tapi untuk diri saya menerangkan jugaklah, kalau tak ada memang tak lepaslah tuk mengajar..... pelajar suka yang macam *software-software* sebab dia ada gambar kelip- kelip, lagi satu saya buat sendiri.... guna peta minda pada hukum-hukum tajwid.”

(GPI1 MTS2/TB/PK:217,221,225)

Di samping itu beliau menggunakan juga perisian software dan meminta pelajar mencari sendiri dalam *youtube* jenis-jenis bacaan yang mereka suka. Selain itu beliau mengadakan sesi perbicangan terhadap perisian tersebut. Huraian beliau;

“Kadang-kadang saya minta pelajar cari dari *youtube* yang kamu suka bacaan al-Quran? Kita bincanglah sama-sama. Saya pilih dia punya, kita pilih secara rambang, inilah keunikan al-Quran, sebenarnya saya nak mereka kesan sendiri, kelebihan yang ada pada al-Quran yang diorang nak dan tak nampak pada diri sendiri”.

(GPI1 MTS2/TB/PK:242)

Beliau juga banyak menggunakan kad imbasan yang bersesuaian yang dibuat sendiri oleh beliau. Beliau juga menyatakan beliau ada menggunakan cermin dan kad jadual makhraj huruf sebagai BBM untuk mengajar tajuk makhraj huruf. Contoh huraian beliau;

“....saya guna kad imbas, kadang-kadang jadual makhraj, kad manila yang ada pada gambar, lepas tu cermin, tengok mulut, napa saya kena bawak cermin ni? Kadang-kadang saya melawak supaya mereka tertarik untuk belajar”.

(GPI1 MTS2/TB/PK:246)

GPI1 juga menyatakan beliau menggunakan beberapa kaedah yang bersesuaian dengan tajuk yang diajar, antaranya kaedah mencirikan semula cara sebutan ayat-ayat al-Quran dan menganalisis berkaitan dengan cara sebutan tersebut. Sebagai contoh pernyataan beliau;

“.....kaedah mencirikan semula, menganalisis so dia kena analisiskan semula, dia kena tahu,bila tengok gerakan mulut kita dapat tahu mereka salah ke tidak. sebab bila talaqqi ni puan, kalau ikut cara Nabi sorang-sorang, kitakan sekolah saja, ada 30 minit, so guru kena amik peranan.Kita kena pergi, kalau guru duduk tengah dia tak boleh dapat kalau dari segi talaqqi lah.Kalau macam akademik dia just tengok macam tu saja. Kalau talaqqi sebab itu saya sentiasa gerak sebab kalau tak saya tak tau apa yang budak baca.

(GPI1 MTS2/TB/PK: 111,115)

Kaedah pengajaran guru yang menarik, tersusun dan lancar mampu menarik minat pelajar untuk mempelajari al-Quran walaupun pelajar tersebut lemah dari sudut bacaan, tajwid dan sebagainya. Beliau juga menambah beliau memberi penekanan dan perhatian kepada pelajar-pelajar yang lemah. Beliau yang amat baik dan mesra dengan pelajar meminta pelajar yang lemah datang ke biliknya. Contoh huraian beliau;

“.....Sebab apa, mereka kena cirikan satu-satu. Ok *Alif Lam Mim..mad lazim mutakallimin..zalika*...ada huruf alif kecil mad asli. *Al-kitab* ada *alif lam qamariah*, itu tingkatan satu. Tingkatan dua tak boleh macam itu, kita just imbas. Tapi kalau ada budak yang lemah kita memang kena datang dekatlah. Sebab itu tadi ada budak yang suruh kelas yang jawabkan jugak. Baru dia nampak. Dia sebenarnya *confius* ikhfa' dan ikhfaq syafawi, jadi budak tolong. Kalau tak dia malu sebab dia dah form 2.Jujur ya kak tak nak macam tertutup sangat, sebenarnya itu *reality* belajar.

(GPI1 MTS2/TB/PK:127)

Beliau menggunakan pendekatan memanggil pelajar secara personal datang ke bilik beliau bagi pelajar-pelajar yang lemah. Contoh huraian beliau;

“....kita akan panggil dia personal lah. Sebab pasal Quran ni dia malu kalau ramai-ramai. Saya pun tak tahu luh kenapa tapi kalu kita tengok pun orang tak akan baca Quran ramai-ramai. Tapi biasa kalau ramai-ramai ini orang yang separuh mahir....”

(GPI1 MTS2/TB/PK:143)

iii. Aspek penutup pengajaran Tilawah al-Quran

Pada sesi penutup pengajaran, GPI1 menggunakan pendekatan aspek *ta'kid* pada isi kandungan surah supaya pelajar dapat menghayati kandungan surah tersebut dengan lebih mendalam. Contoh huraihan beliau;

“.....kalau dari segi talaqqi contoh saya guna (ayat Quran) surah Zalzalah. Tapi saya akan buat nada yang keras. Kita bawak pelajar kepada suasana berdasarkan ayat al-Quran yang dibaca. Kamu dapat bayangkan kita mengadap Allah dan kita kata kita hafal Quran kita jadi orang pertama, takut-takut kita jadi orang belakang”.

(GPI1 MTS2/TB/PT:198)

Melalui pemerhatian pengajaran di bilik darjah menunjukkan GPI1 banyak menekankan pendekatan *ta'kid* dan *tadabbur* dalam pembacaan al-Quran seperti yang diperintahkan oleh Allah Taala arahan menuntut ilmu dalam surah al-Alaq. Contoh huraihan menujukkan penjelasan pemerhatian beliau;

Turut dinyatakan dalam pengajaran ayat yang betul sebutannya mampu meresap ke dalam hati dan jiwa manusia. Beliau menerangkan bahawa perintah yang Allah turunkan kepada manusia untuk membaca ayat al-Quran dengan tartil yang betul. Daripada tartil ini timbul satu ilmu talaqqi di mana wajib bagi penghafaz al-Quran. Ayat-ayat lain yang menjadi peneguh pengajaran pada hari itu turut dikaitkan dengan ayat al-Quran yang lain beserta dengan contoh seperti surah *al-Alaq*.

(GPI1 MTS2/OBS/PP:027)

Pada sesi penutup pengajaran GPI1 juga menekankan aspek adab-adab dengan al-Quran seperti perlu mempunyai niat yang baik, hati yang ikhlas dalam menuntut ilmu dan berada dalam keadaan yang baik apabila ingin berjumpa dengan Allah Taala. Beliau menyatakan sesi pembelajaran al-Quran adalah diibaratkan sesi menghadap Allah Taala. Contoh pernyataan beliau; GPI1MTS2/TB/PT:147 “....pertama niat, kedua ikhlaskan hati, ketiga duduk dengan betul sebab kita nak bercakap dengan Allah”.

Seterusnya beliau juga menambah dalam aspek adab dengan al-Quran ini, pelajar perlu menjaga hubungan dengan ibu bapa untuk mendapatkan keberkatan ilmu. Contoh huraihan beliau;

“.....admit kesalahan yang ada.Ustazah pun ada buat salah..kamu pun ada buat salah... kita balik dulu nanti balik asrama telephone mak minta maaf, Alhamdulillah la..kat situ adab..”.

(GPI1 MTS2/TB/PT:211)

Melalui pemerhatian dalam sesi P&P beliau selalu memberi nasihat yang berguna kepada pelajar dan mengaitkan isu-isu semasa dengan ayat-ayat yang dipelajari. Contoh huraihan semasa sesi pemerhatian beliau dalam bilik darjah;

GPI1 menerangkan hukum tajwid yang dikaitkan dengan cara pembacaan ayat surah al-Qiyamah seperti kenapa terdapatnya mad jaiz pada ayat pertama surah tersebut. Ini menandakan bahawa Allah mengingatkan manusia akan kejadian pada hari kiamat nanti. Tidak ketinggalan juga, beliau turut mengaitkan dengan isu-isu semasa seperti cerita filem 2012 serta cara pembuatan kapal Nabi Nuh a.s.

(GPI1 MTS2/OBS/PT:038)

KESIMPULAN

Kesimpulannya kajian ini telah mencapai objektif yang ditetapkan. Hasil-hasil kajian yang diperoleh adalah berdasarkan situasi semasa kajian ini dibuat dan boleh dijadikan panduan untuk kajian akan datang. Cadangan-cadangan yang diberikan berdasarkan keputusan kajian yang diperoleh untuk pertimbangan, perhatian dan tindakan pihak-pihak yang terbabit selaras dengan usaha untuk memantapkan pengajaran dan pembelajaran tilawah al-Quran.

RUJUKAN

- Ab.Halim Tamuri. 2005. Isu-isu dalam amalan pengajaran guru-guru pendidikan Islam di sekolah rendah dan menengah. *Prosiding Wacana Pendidikan Islam Peringkat Kebangsaan Siri Ke-4*. Fakulti Pendidikan: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ab.Halim Tamuri.2006. Modul pengajaran dan pembelajaran tafsir al-Quran: pendekatan masa kini. Konvensyen Pensyarah Tahfiz Peringkat Kebangsaan. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Abdul Hafiz Abdullah & Hasimah Muda. 2003. *Kaedah Hafazan al-Quran yang Sistematis dan Praktikal dalam Melahirkan Para Huffaz yang Rasikh*. Selangor :UiTM.
- Al-Kailani, Taisir, Iyad & Mulhim.1986. *At-Taujih al-Fannī fī Usul at-Tarbiyah wa Tadrīs*. Beirut: Muktabah Lubnan.
- Al-Nahlawi, Ab.Rahman. 1988. *Usul al-Tarbiyah al-Islamiyah wa Aslibuha*. Damsyik:Dar al-Fikr.
- Al-Qabisi. Abi Hasan Ali Muhammad Khalaf. 1955. *Ar-Risalah al-Mufassolah li Ahwal al-Mua'allimin wa Akkam Almu'allimin wal Mutaallimin*. Kaherah: Dar Ehya' al Kutub al Arabiyah.
- An-Nashmy, Ajil Asim. 1980. *Ma'alim fi Tarbiyah*. Kuweit:Maktabah al-Manar.
- Hitchcock,G.&Hughes,D. 1995.Research and the teacher:A qualitative introduction to school based research.London&New York:Routledge.
- LeCompte,M.D.&Preissle,J.1993.Ethnography and Qualitative Design in Educational Research.2nd Edition.San Diego:Academic Press.
- Mohd Aderi Che Noh. (t.th.). Amalan Pengajaran Tilawah al-Quran : Satu Tinjauan Terhadap Persepsi Guru di Sekolah Menengah Harian Malaysia. *Jurnal of Islamic and Arabic Education*. 1(1):57-72.
- Mohd Aderi Che Noh. 2004.Celik al-Quran di kalangan pelajar tingkatan satu Zon Pudu Kuala Lumpur. Kertas Projek Sarjana Pendidikan. Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Mohd Farid Mohamad, Zawawi Ismail & Rahimi Md Saad. t.th. Celik al-quran: Cabaran dan Realiti Dalam Pendidikan Islam Di Sekolah. *Jurnal Masalah Pendidikan*. Fakulti Pendidikan Universiti Malaya.
- Mohd Yusuf Ahmad. 2000. *Sejarah dan Kaedah Pendidikan al-Quran*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Patton,M.Q.1990.*Qualitative evaluation and research methods* (2nd edition).Newbury Park.CA: Sage Publications.
- Yin, R.K. 1994.*Case study research: design and methods* (2nd edition). Thounsand Oaks: Sage Publications, Inc.

LAMPIRAN: PENGGUNAAN KOD DALAM PETIKAN DATA TEMA

| BIL | KOD YANG DIGUNAKAN | HURAIAN KOD BAGI DATA TEMA |
|-----|--------------------|----------------------------|
| 1 | GPI | Guru pendidikan Islam |
| 2 | MTS1 | Maahad Tahfiz Sains 1 |
| 3 | MTS2 | Maahad Tahfiz Sains 2 |
| 4 | TB | Temu bual |
| 5 | PP | Permulaan pengajaran |
| 6 | OBS | Observasi |
| 7 | PK | Perkembangan Pengajaran |
| 8 | PT | Penutup pengajaran |
| 9 | KP | Kaedah Pengajaran |
| 10 | BBM | Bahan bantu mengajar |